

PP1103/1

PERATURAN PEMARKAHAN TAMBAHAN

BAHAGIAN A (30 MARKAH)

1. Format penulisan komen:

Jumlah perkataan

Peringkat – markah

T - menepati tugas

I - relevan, huraihan jelas dan matang

B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas dan tepat

P – sangat menarik dan berkesan

Petikan dan grafik di bawah menunjukkan maklumat berkaitan dengan sambutan Hari Kebangsaan.

Berdasarkan maklumat tersebut, huraihan pendapat anda tentang kepentingan-kepentingan menyambut Hari Kebangsaan.

Panjangnya huraihan anda hendaklah antara 150 hingga 200 patah perkataan.

2. Kehendak / Tugasan soalan:

- i. Calon dikehendaki menghuraikan kepentingan-kepentingan menyambut Hari Kebangsaan dengan menyentuh semua bahan.
 - melahirkan / memupuk perasaan cinta akan negara / semangat patriotik
 - berjumpa / mengenali pelbagai kaum
- ii. Calon perlu menyentuh semua bahan sama ada sebagai idea utama, idea sampingan atau contoh, pendahuluan atau kesimpulan.
- iii. Sekiranya calon menyentuh semua bahan dan menambah idea lain berkaitan **kepentingan-kepentingan menyambut Hari Kebangsaan** – diterima dan disemak seperti biasa.
- iv. Jika calon tidak menyentuh semua bahan – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- v. Calon yang menulis melebihi 210 patah perkataan atau hingga ayat itu berakhir – maksimum peringkat **KEPUJIAN**
- vi. Calon menulis kurang daripada 140 patah perkataan – maksimum peringkat **MEMUASKAN**
- vii. Jika calon menulis dalam bentuk poin – maksimum peringkat **TIDAK MENCAPI TAHAP PENGUASAAN MINIMUM (TMTPM)**

BAHAGIAN B (70 MARKAH)**1. Format penulisan komen:****Jumlah perkataan****Peringkat - markah****T - menepati tugas****I - relevan, huraian jelas dan matang****B - gramatis dari segi kata dan ayat, kosa kata luas****P - sangat menarik dan berkesan****Soalan 1**

Menurut data Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), rakyat Malaysia semakin mudah terdedah kepada penyakit tidak berjangkit seperti diabetes, dan penyakit kardiovaskular seperti hipertensi dan penyakit jantung yang kini menjadi antara punca kematian utama di negara ini. Gaya hidup tidak aktif, diet tinggi lemak dan gula serta tekanan hidup yang meningkat menjadi penyumbang utama kepada statistik yang membimbangkan ini.

Sumber: www.sinarharian.com.my

Berdasarkan petikan, huraikan punca-punca berlakunya penyakit tidak berjangkit.

Kehendak / tugas soalan:

Calon dikehendaki menghuraikan punca-punca berlakunya penyakit tidak berjangkit seperti yang terdapat dalam petikan:

- (i) gaya hidup tidak aktif
- (ii) diet tinggi lemak dan gula
- (iii) tekanan hidup

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan punca – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**.

Soalan 2

Ketika ini, ramai yang berlumba-lumba mahu memulakan perniagaan sendiri. Selain mahu bekerja sendiri dan bebas, ramai yang terjun dalam bidang perniagaan kerana percaya bakal memberikan keuntungan yang lebih.

Sumber: *Utusan Malaysia*

Huraikan persediaan-persediaan untuk menceburi bidang tersebut.

Kehendak / tugas soalan:

Calon dikehendaki menghuraikan persediaan-persediaan untuk menceburi bidang perniagaan

Cadangan Jawapan

- (i) melengkapkan diri dengan ilmu keusahawanan
- (ii) mempunyai modal yang mencukupi
- (iii) berfikiran positif
- (iv) strategi promosi dan pemasaran yang berkesan

*idea-idea lain yang sesuai diterima

SOALAN 3

Isu keterjaminan makanan memerlukan perhatian serius demi memastikan rakyat menikmati akses kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat. Agenda keterjaminan makanan memerlukan usaha yang melibatkan kerjasama erat kerajaan, sektor swasta dan setiap individu.

Sumber: *Utusan Malaysia*

Berdasarkan petikan di atas, tulis sebuah syarahan yang bertajuk ‘Usaha-usaha Memastikan Keterjaminan Makanan’.

Kehendak / tugas soalan:

Calon dikehendaki menyediakan teks syarahan tentang usaha-usaha memastikan keterjaminan makanan seperti yang terdapat dalam petikan:

- (i) kerajaan
- (ii) sektor swasta
- (iii) individu

Kemungkinan Jawapan:

1. Calon menghuraikan semua idea dalam petikan dan menambah idea-idea lain yang berkaitan usaha – terima seperti biasa.
2. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan serta idea-idea lain – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
3. Calon menghuraikan sebahagian idea dalam petikan sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
4. Calon menghuraikan idea lain tanpa menyentuh idea dalam petikan – maksimum peringkat **BAIK**.
5. Format syarahan:
 - (i) alu-aluan
 - (ii) tajuk
 - (iii) kata penghadapan (hadirin yang dihormati, hadirin yang dimuliakan)
 - (iv) penutup – (sekian, terima kasih)
6. Perhatian
 - (i) sekiranya format syarahan tidak lengkap - maksimum peringkat **CEMERLANG BAWAH**
 - (ii) sekiranya tiada format syarahan - maksimum peringkat **KEPUJIAN**

SOALAN 4

Kewujudan pemandu dan penunggang motosikal tanpa lesen bukan perkara biasa. Statistik kemalangan jalan raya dan jumlah saman yang dikeluarkan oleh polis dan JPJ sejak sedekad lalu jelas menunjukkan isu ini sudah berlarutan terlalu lama.

Sumber: *Sinar Harian*

Huraikan faktor yang terdapat dalam petikan di atas berserta faktor-faktor lain berlakunya kemalangan jalan raya.

Kehendak / tugasan soalan:

Calon dikehendaki menghuraikan faktor yang terdapat dalam yang terdapat dalam petikan di atas berserta faktor-faktor lain berlakunya kemalangan jalan raya iaitu:

- (i) kewujudan pemandu dan penunggang motosikal tanpa lesen serta isi-isi luar yang lain

Cadangan Jawapan Isi Luar

- (i) sikap pemandu
- (ii) keadaan kenderaan
- (iii) keadaan jalan

*idea-idea lain yang sesuai diterima

Kemungkinan jawapan:

1. Calon menghuraikan isi dalam petikan sahaja - maksimum peringkat **KEPUJIAN**.
2. Calon menghuraikan isi luar sahaja – maksimum peringkat **KEPUJIAN**.

Perkataan yang dikira sebagai satu patah perkataan

1. Puisi
2. Alamat
3. Tarikh
4. Nama Khas
5. Peribahasa
6. Maksud Hadis / Al-Quran / Kata-kata Tokoh
7. Penanda Wacana
8. Tajuk (rencana / surat)
9. Kata Sendi ‘di ...(rumah)’ dan ‘ke ... (sana)’
10. Angka

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT